

Headline	Agensi wajar ambil tindakan		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	21 Sep 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	n6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	384 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,695



# Agensi wajar ambil tindakan

» *Bukti habuk kayu, minyakancam khazanah Tanjung Piai perlu kaji*

Oleh Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail  
smohd@bharian.com.my

✦ Johor Bahru

Isu pencemaran habuk kayu bercampur minyak yang berlaku sejak berdekad lama di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, di sini, perlu ditangani bersama pelbagai agensi.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Maketab Mohamed, berkata kajian lanjut bagi menyelamatkan flora dan fauna khazanah alam tidak bernilai yang mungkin disebabkan bahan terabit perlu dilakukan.

Katanya, agensi seperti Jaba-

tan Perhutanan, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli, Pihak Kerajaan Tempatan (PBT), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan pihak berkuasa pelabuhan perlu berbincang bagi menangani perkara yang berlaku sekian lama.

"Satu kajian yang membuktikan kematian pokok bakau disebabkan minyak bercampur habuk kayu ini perlu dilakukan dengan mengadakan model yang mantap.

"Perkara ini sudah diketahui sejak sekian lama tetapi pelbagai pihak seakan menutup sebelah mata perbuatan ini. Jika perkara ini dibiarkan tanpa tindakan kawasan Taman Negara Tanjung Piai yang menjadi kawasan bakau akan semakin mengecil," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan kedudukan Taman Negara Tanjung Piai semakin terjejas apabila kajian mendapati habuk kayu dari kapal dan



Kawasan yang musnah di **Taman Negara Tanjung Piai, Pontian** kerana pencemaran habuk kayu dan tumpahan minyak.

[FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH]

pelabuhan berdekatan membunuh serta mengganggu pertumbuhan pokok bakau.

### Habuk dari pelabuhan

Kajian penuntut Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Norhaszuerah Malekal, mendapati habuk kayu yang berminyak itu berkumpul di kawasan terabit dengan ketebalan kira-kira 0.6 meter dan berasal daripada pela-

bahan berdekatan.

Kajian itu dikukuhkan dengan Laporan Audit Negara pada 2010 yang turut melaporkan kajian Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mendapati arus air pasang yang membawa bersama bahan menyerupai serbuk kayu dikenali tanah sesai dan mendap itu berasid.

Laporan itu menyatakan, bahan terabit yang digunakan untuk mencuci kapal mempunyai keupayaan tinggi untuk mengikat fosforus dan mempunyai kandungan logam berat yang tinggi.



“Perkara ini sudah diketahui sejak sekian lama tetapi pelbagai pihak seakan menutup sebelah mata perbuatan ini”

**Maketab Mohamed**  
Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia